



## **Potensi, ekosistem industri kandungan digital negara terus diperkukuh**

Oleh Ahmad Suhael Adnan - April 18, 2023 @ 1:12am  
ahmad.suhael@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Hampir 400 komuniti industri digital negara menghadiri sesi dialog awam industri kandungan digital dan teknologi kreatif anjuran Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), semalam.

Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil, berkata dialog awam julung kali itu diadakan bagi menyelami sentimen pemain industri bertujuan membolehkan kerajaan menyelesaikan isu berbangkit.

Selain itu, beliau berkata, ia membolehkan kerajaan bersama komuniti industri digital membincangkan pelbagai inisiatif yang berpotensi memajukan industri kandungan digital negara.

"Saya amat menghargai pembabitan komuniti industri digital yang turut serta pada sesi ini, termasuk wakil studio tempatan yang terbabit dalam bidang pengeluaran permainan, perkhidmatan permainan, pencipta dan studio harta intelek (IP), animasi, komik digital serta teknologi kreatif.

"Melalui Program Mangkin Malaysia Digital (PEMANGKIN), industri kandungan digital telah dikenal pasti sebagai antara sektor teknologi tumpuan yang menjana purata pendapatan tahunan kira-kira RM5.5 bilion dan menyediakan peluang pekerjaan kepada 10,000 orang.

"Saya yakin inisiatif ini dapat terus memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai kuasa serantau untuk kandungan digital dan teknologi kreatif melalui Dasar Ekosistem Kandungan Digital (DEKD)," katanya dalam satu kenyataan.

Pada masa sama, Fahmi memaklumkan kementerianya akan meneruskan pemberian Geran Kandungan Digital bernilai antara RM150,000 hingga RM2 juta.

Katanya, geran yang meliputi projek animasi, permainan digital, komik digital dan kandungan kreatif teknologi itu bagi menyokong perkembangan studio tempatan dengan menyediakan pembiayaan serta membantu meningkatkan kebolehpasaran IP dan produk.

Terdahulu, Fahmi ketika melancarkan PEMANGKIN memaklumkan, sembilan sektor tumpuan dikenal pasti bawah program itu, membabitkan nilai pelaburan RM1 bilion yang dijangka menjana hingga 49,000 peluang pekerjaan menjelang 2025.

Sembilan sektor tumpuan itu membabitkan pelancongan digital, pertanian digital, bandar digital, kandungan digital, kewangan digital, perdagangan digital, servis digital, kesihatan digital dan ekonomi digital Islam.